

**PUISI KLASIK:  
Cerminan Pemikiran Alam Melayu Dalam Menghindar Bencana**

**Nuraini Yusoff  
Mohamad Azmi Ab. Rahman**

Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

**Abstrak**

Bencana kini telah menjadi isu global yang memberi kesan terhadap negara, organisasi dan individu. Bidang ini antara lainnya merangkumi pengurusan risiko dan perancangan; menghindar, mengawal dan mengurus bencana. Makalah ini cuba membandingkan jenis-jenis bencana dalam bidang tersebut dengan jenis-jenis bencana yang terdapat dalam alam Melayu tradisional lewat puisi klasik seperti pantun, peribahasa, syair dan mantera. Puisi klasik secara tersurat dan tersirat mengungkapkan usaha-usaha masyarakat Melayu tradisional untuk menghindar bencana pada zaman tersebut. Usaha-usaha yang dikategorikan berdasarkan hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, manusia dengan Tuhan dan manusia dengan makhluk halus, juga didapati masih relevan dalam masyarakat Melayu moden.

**Pengenalan**

Apakah ertinya kebahagiaan yang diimpikan oleh setiap insan? *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), mendefinisikan *bahagia* sebagai “suasana senang dan aman, aman damai serta gembira” (hal. 85). Malangnya, kebahagiaan ini bukan merupakan hak mutlak yang boleh dimiliki setiap masa kerana bencana menyerang tanpa diduga menodai kebahagiaan tersebut. Hakikatnya, bencana adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Manusia harus memikirkan cara menangani bencana. Justeru itu, makalah ini akan meninjau maksud bencana dalam konteks disiplin pengurusan bencana dan konteks alam Melayu tradisional, menganalisis jenis-jenis bencana dalam alam Melayu lewat puisi klasik dan mengenal pasti usaha-usaha yang diambil oleh masyarakat Melayu untuk menghindar bencana tersebut.

## Bencana

Makalah ini dimulai dengan membincangkan konsep bencana (*disaster*). Kata *disaster* berasal daripada bahasa Latin *disastro* dan Greek *disastron*, bermaksud “*an unpropitious or baleful aspect of a planet or star*” (Gove, 1986, hal. 643). Seterusnya bencana diperincikan sebagai “*a sudden calamitous event producing great material damage, loss, and distress a ... sudden or great misfortune, and a complete failure...*” (hal. 643). Manakala sarjana pengurusan bencana, Quarantelli (1998, hal. 1) pernah menyuarakan bahawa beliau terpaksa “*struggled with how to define and conceptualise the term disaster*” selama empat dekad berkecimpung dalam bidang ini. Hal ini wujud kerana ahli sains sosial, ahli politik, pakar alam sekitar, pekerja sukarela dan wartawan mempunyai persepsi yang berbeza tentang bencana, ditambah pula bencana sememangnya merupakan fenomena yang begitu kompleks (El-Masri & Tipple, 1997). Begitulah sukarnya untuk mencari satu definisi yang jitu dan tuntas yang dapat menerangkan fenomena ini.

Walau bagaimanapun, *United Nations Centre for Human Settlements* telah mengemukakan rangka yang holistik berkenaan bencana semula jadi dari segi penciptaan, kesan, hasilan dan tindak balas:

... a natural disaster could be defined as the interaction between a natural hazard, generated in most cases from a sudden and unexpected natural event, and vulnerable conditions which cause severe losses to man and his environment (built and natural). These losses create suffering and chaos in the normal patterns of life, which lead to socio-economic, cultural and, sometimes, political disruption. Such a situation requires outside intervention at international and national levels in addition to individual and communal responses.

(El-Masri & Tipple, 1997, hal. 3)

Dalam mengkaji bencana dari sudut pengurusan dan persediaan menghadapinya, Schneid dan Collins (2001) membahagikan bencana di bawah subtajuk ‘*natural risks*’ dan ‘*emerging risks*’. Bencana-bencana semula jadi termasuklah gempa bumi, ledakan gunung berapi, kebakaran dan letupan, puting beliung, epidemik, banjir, runtuh salji, dan ombak besar samudera. Di bawah subtajuk semula jadi ini dibincangkan juga bencana yang melibatkan manusia dan

alam sekitar seperti tumpahan minyak, kemalangan kapal terbang, empangan pecah, kapal karam, letupan lombong dan kemalangan keretapi. Kebelakangan ini, bencana yang mula mendapat perhatian ialah keganasan di tempat kerja, keganasan siber dan keganasan bio. Keganasan di tempat kerja didefinisikan sebagai “*physical assaults, threatening behavior, or verbal abuse occurring in the work setting*” (hal. 23). Peningkatan kejadian keganasan di tempat kerja dianggap sebagai bencana kerana bukan sahaja menggugat keselamatan malah mengganggu dari segi produktiviti. Keganasan siber dijelaskan oleh Schneid dan Collins (2001) dengan memetik laporan *Centre for Strategic and International Studies* (CSIS):

America’s adversaries know that the country’s real assets are in electronic storage. Virtual corporations, electronic transactions, and even economies without inventories – based on just-in-time deliveries – will make attacks on data just as destructive as attacks on physical inventories. Bytes, not bullets, are the new ammo. Or, most dramatically, a combination of bytes, bullets, and bombs. (hal. 25)

Petikan di atas menjelaskan bahawa pada masa kini keganasan siber turut digeruni kerana pelbagai infrastruktur dan sistem informasi terkini dikendalikan secara elektronik. Sebarang serangan siber mampu mengakibatkan kemalangan yang ngeri atau melumpuhkan sistem pentadbiran dan perniagaan dengan kemusnahan data yang penting. Seterusnya keganasan bio dilakukan dengan menggunakan “*chemicals, biological agents, radiological, or even nuclear materials to inflict harm on individuals or organizations*” (Schneid & Collins, 2001, hal. 26). Keganasan bio memang merupakan satu bencana yang ditakuti. Justeru itu, dengan bertopengkan antaranya alasan keganasan bio, kedaulatan Iraq dicabuli oleh Amerika Syarikat dan konco-konconya pada 20 Mac 2003.

Setelah menganalisis beberapa definisi bencana, Gist dan Lubin (1999) telah merumuskan 3 andaian yang berkaitan dengan konsep bencana: bencana dilihat sebagai kejadian yang negatif oleh komuniti, komuniti tidak berupaya untuk menanganinya, dan dijangka agar komuniti boleh berfungsi seperti sedia kala selepas bencana.

Apapun definisi dan andaian tentang bencana, kesannya amat digeruni kerana “*disasters strike with sudden violence, tearing bodies, lives and families apart*” (Hodgkinson & Stewart, 1991, hal. 1). Noji (1994) melaporkan bencana semula jadi seperti gempa bumi, puting beliung tropikal, banjir dan letupan gunung berapi telah meragut 3 juta nyawa di seluruh dunia dari tahun 1974 - 1994, kehidupan 800 juta orang tergugat dan harta benda yang musnah bernilai lebih 850 bilion USD. Awotona (1997) pula memetik *The Television Trust for the Environment* (UK) melaporkan bahawa dalam masa 20 tahun yang lepas, 4 juta manusia terbunuh di seluruh dunia akibat kemarau, banjir, gempa bumi dan puting beliung, dan hampir separuh daripada umat manusia di dunia ini kehidupan mereka terganggu akibat bencana. Boleh dikatakan bencana bukan sekadar mengakibatkan kehilangan orang-orang yang dikasihi dan kemusnahan harta benda malah ada orang yang akan kehilangan pegangan hidup.

### **Puisi Klasik Melayu**

Makalah ini ingin menumpukan pula perhatian kepada konsep puisi klasik Melayu. Kata puisi (*poetry*) berasal daripada perkataan Latin *poetess*, bahasa Greek *poetrie* bermaksud “*in rapid speech sometimes*” (Gove, 1986, hal. 1749). Makna puisi diperincikan lagi sebagai :

“... *metrical writing, writing that formulates a concentrated imaginative awareness of experience in language chosen and arranged to create a specific emotional response through its meaning, sound, and rhythm*”.

Pendeta Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad, 2000, hal. 222) mendefinisikan puisi sebagai:

Karangan berangkap itu ialah karangan yang disusun dengan bahagian yang berkerat-kerat, dan antara sekerat dengan sekerat itu biasanya berjodoh bunyinya atau rentaknya atau isinya, serta kebanyakannya memakai timbangan atau sukatan yang tertentu. Dalam perbincangan pengarang-pengarang cara baru sekarang karangan demikian ini disebut *puisi* (berlawanan dengan *prosa* iaitu karangan lurus sahaja).

Seterusnya dikemukakan pula pandangan Harun Mat Piah (1989) yang melihat puisi sebagai “suatu bentuk pengucapan dalam susunan yang istimewa” (hal. 2) yang mempunyai “ciri-ciri kepuisian sesebuah ungkapan” (hal. 2). Antara ciri-ciri kepuisian yang dimaksudkan termasuklah susunan yang mempamerkan penggunaan bahasa yang baik, kental dan indah dengan penggunaan imejan, metafora dan lain-lain. Puisi klasik yang terdiri daripada pantun, syair, nazam, gurindam, seloka, teka-teki, talibun, prosa berirama, teromba, peribahasa berangkap, mantera dan dikir merupakan pemikiran alam Melayu yang menyimpan pelbagai rahsia dan ilmu secara tersurat dan tersirat.

### **Puisi, Masyarakat dan Alam**

Satu daripada ciri lisan yang berlandaskan pemikiran dan ekspresi menurut Ong ialah “*close to human life world*” (Hamza Mustafa Njozi, 1993, hal. 378). Segala pemikiran dan ekspresi orang Melayu sebenarnya disirati dan ditenuhi berlandaskan kehidupan harian. Dari sudut kehidupan manusia inilah Ngurah Parsua (1989), menegaskan bahawa “antara sastera dan sejarah mempunyai satu ‘titik’ awal, iaitu realiti kehidupan” (hal. 4). Dengan kata lain sastera tidak akan wujud tanpa kehidupan dan tanpa realiti - titik tolak sastera adalah realiti dan hakikat realiti. Justeru itu, puisi tidak akan diucapkan kalau tidak ada kehidupan atau kalau tidak ada realiti – titik tolak puisi adalah realiti dan hakikat realiti.

Berlandaskan teori sosiologi sastera oleh Alan Swingewood (1972), karya sastera dilihat sebagai dokumen sosiobudaya - yang mencatat pernyataan sosiobudaya suatu masyarakat pada suatu masa tertentu. Karya sastera dianggap sebagai cerminan daripada realiti sosiobudaya sesuatu masyarakat. Swingewood menyatakan bahawa lingkungan sosial mempunyai hubungan dengan sastera, dan ia masuk ke dalam karya. Sebagai sebuah dokumen sosiobudaya, karya sastera tidak dilihat sebagai keseluruhan sosiobudaya sesuatu masyarakat pada masa tertentu. Ia hanya dilihat berdasarkan cerita tanpa memperhatikan aspek struktur sastera. Pendekatan sosiologi sastera mengambil kira sesuatu unsur dalam karya, lalu menghubungkannya dengan unsur sosiobudaya masyarakat (Umar Junus, 1986). Seterusnya Umar Junus (1988), menyatakan bahawa karya sastera merupakan sesuatu fenomena sosial yang berkaitan dengan penghasilan karya, tentang apa

yang dikemukakan dalam karya, dan hubungan karya sastra serta penerimaan khalayak terhadap karya.

Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional pula, aspek sosiobudaya Melayu pastinya mempunyai hubungan yang rapat dengan unsur-unsur alam. François-René Daillie (1990), dalam kajiannya tentang pantun Melayu mengungkap tentang kesedaran tentang “*how deeply immersed in the Malay people’s ancestral way of life we can feel after reading and analysing a few hundreds of them (pantun)*” (hal. 136). Daillie lebih memahami kebudayaan Melayu setelah mengkaji pantun yang beliau anggap sebagai “*universe in a nutshell*” (hal. 131).

Daillie (1990) turut merakamkan unsur alam yang terdapat dalam sampiran pantun yang dapat membuktikan bahawa puisi Melayu berkait rapat dengan unsur alam fizikal.

**Jadual 1: Unsur Alam Dalam Sampiran Pantun (Daillie, 1990, hal 136-137)**

Unsur Alam	Contoh
Binatang	Kerbau, beruk, pelanduk, tupai, lembu, buaya, biawak, harimau, singa dll.
Ikan	Ikan todak, tilan, setoka, temenung, jerung, gelama, sembilang, dll.
Burung	Layang-layang, punai, tekukur, merpati, pipit, bangau, jelatik, merak, murai, kuang, pucung, pungguk, ayam, itik, angsa, rajawali, dll.
Buah-buahan	Nyiur, delima, rumbia, nangka, berangan, rambai, rambutan, limau manis, duku, bidara, pinang, limau purut, limau lelang, asam kandis, asam gelugur, asam rembunia, asam keranji, pisang emas, cempedak, ara, pauh, nanas, manggis, durian, pala, dll.
Sayur-sayuran dan Tumbuhan	Timun, petola, padi, lada, jagung, serai, paku, rumput, melur, jeruju, kayu tengar, kemboja, pokok kekabu, nipah, selasih, pokok terap, pokok mengkudu dll.
Tempat	Paya, hutan, bendang, tanjung, kuala, pantai, rantau, bukit, dll.

Seterusnya, hubung kait yang rapat dengan unsur alam ini dijelaskan oleh Mohd. Affandi Hassan (1989, hal. 15-16) berdasarkan pantun berikut:

Pulau Tinggi terendak China,  
Tampak dari Pasir Sibu;  
Tuan pergi janganlah lama,  
Tidak tahan menanggung rindu.

Dua baris pertama yang disebut sampiran mencerminkan keterikatan Melayu kepada alam dan kepada keindahan alam. Sampiran itu menggambarkan pulau yang jauh dan kalau dilihat dari pantai bentuknya seperti terendak China, gambaran yang sesuai dengan Sibu yang dikelilingi pulau-pulau. Sampiran ini menggambarkan ada pengembaraan dan kerinduan wujud kerana perpisahan di samping menggambarkan keadaan geografi setempat.

Selain pantun, peribahasa juga didapati banyak memuatkan unsur alam di dalamnya. Sebagai contoh dikemukakan contoh-contoh peribahasa berikut:

- (a) Seperti mentimun dengan durian, menggolek luka, kena golek pun luka.
- (b) Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah.
- (c) Bunga disunting perduknya dibuang.
- (d) Berkerat rotan berpatah arang.
- (e) Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya habis terpalit.

Peribahasa di atas menggambarkan unsur alam sama ada tumbuhan atau haiwan yang dikutip oleh penyair, lalu diangkat menjadi mesej kehidupan sejagat yang sarat maknanya. Gambaran di minda kita apabila menyelami makna peribahasa tersebut ialah bencana, bukan sahaja yang pernah menimpa manusia zaman dahulu, malahan pernah dan sedang menimpa manusia alaf 21, misalnya bencana perang di bumi Iraq, kekejaman di bumi Palestin dan perjuangan di Aceh bagi maksud peribahasa (a) dan (b). Kita juga mendapati bahawa unsur alam begitu akrab dengan alam tradisi Melayu seperti yang dimuatkan dalam peribahasa (c) dan (d) dengan membawa maksud bencana yang melanda institusi keluarga atau peribahasa (e) yang lebih luas merangkumi masyarakat.

Kalau kita meneliti, dan menghayati adikarya (Latin *magnum opus*) Melayu, iaitu *Sejarah Melayu* jelas terbukti bagaimana puisi digunakan untuk merakam sesuatu peristiwa bersejarah. Dalam kisah *Alamat Akan Binasa Negeri Singapura*, dirakam peristiwa yang berlaku ke atas Tun Jana Khatib. Semasa beliau berjalan di pekan Singapura dan lalu berhampiran dengan istana raja, kebetulan pada ketika itu raja perempuan sedang berada di tingkap istana dan terlihat kebolehan Tun Jana Khatib yang menilik sebatang pinang yang terus terbelah dua. Keadaan ini menyebabkan Paduka Seri Maharaja berangkat kerana difikirkan Tun Jana Khatib menunjuk kepandaian di hadapan raja perempuan. Akibatnya Tun Jana Khatib dihukum bunuh. Apabila ditikam, darahnya titik ke bumi dan badannya ghaib. Peristiwa ini dirakam dalam pantun berikut:

Telur itik di Singgora,  
Pandan terletak dilangkahi;  
Darahnya titik di Singapura,  
Badannya terhantar di Langkawi.

(Shellabear, 1975, hal. 51)

Pantun di atas juga mempunyai hubung kait yang rapat dengan unsur alam seperti telur itik dan daun pandan di samping memperlihatkan maklumat dari segi geografi. Maklumat sejarah pula adalah berkenaan Tun Jana Khatib. Bencana yang berlaku dalam masyarakat juga merupakan satu realiti. Pembunuhan Tun Jana Khatib juga dianggap sebagai satu bencana yang seterusnya diikuti pula dengan bencana Singapura dilanggar todak. Persoalannya ialah sekiranya wujud bencana, adakah dirakam usaha-usaha untuk menghindar bencana dalam puisi klasik?

### **Bencana dalam Alam Melayu**

Untuk mengenal pasti jenis-jenis bencana yang terdapat dalam masyarakat Melayu, analisis kandungan telah dibuat berdasarkan puisi klasik Melayu. Jenis-jenis bencana tersebut dibandingkan pula dengan jenis-jenis bencana yang terdapat dalam disiplin pengurusan bencana. Di samping itu, puisi klasik juga dianalisis untuk melihat usaha-usaha masyarakat Melayu untuk menghindar bencana. Antara bencana yang terungkap dalam puisi klasik Melayu yang dianalisis ialah bencana alam, bencana

yang diwujudkan oleh manusia dan bencana yang menimpa hukum agama dan adat.

Antara bencana alam yang dapat dikenal pasti ialah berkenaan musim kemarau dan musim tengkujuh. Dalam ungkapan tradisional Melayu Riau, dapat dilihat perlukisan yang jelas tentang bencana kemarau yang berlaku terhadap flora dan fauna di samping kesan kebuluran yang dialami manusia. Musim tengkujuh pula mengakibatkan kemusnahan sawah ladang dan juga rumah tangga.

Pertama musim kemarau  
Apa tanda musim kemarau  
Matahari di atas bubun  
Rasa meleleh benak kepala  
Kayu-kayan mati meranggas  
Tanah retak kering berdengkang  
Air setitik tak bersua  
Burung haus kehilangan kicau  
Binatang hutan kebuluran

Apa ditanam apa mati  
Apa dibela apa layu  
Layunya sampai ke kebun lading  
Kebulurnya sampai ke rumah tangga

Kedua musim penghujan  
Hujan nan tidak berkeputusan  
Bagai dicurah dari langit

Bagi dituang dari pembuluh  
Kalau sungai limpah-limpahan  
Kalau tebing karam-karaman  
Limpahnya sampai ke sawah ladang  
Karamnya sampai ke rumah tangga

(Tenas Effendy, 1989, hal.110-111)

Dalam ungkapan tradisional Melayu Riau tersebut, musim kemarau dikaitkan dengan kepanasan matahari yang terletak “di atas bubun”. Deskripsi tentang alam sekitar yang kering-kontang merangkumi “kayu-kayan”, “tanah”, “air”, “binatang” dan “kebun ladang”. Kesan kemarau terhadap manusia dijelaskan dengan kalimat “kebulurnya sampai ke rumah tangga”. Deskripsi tentang musim tengkujuh pula begitu jelas dirakamkan kerana hujan dikatakan “bagai dicurah dari langit”

yang menyebabkan “sungai limpah-limpahan”. Bencana ini memberi kesan bukan sahaja “ke sawah ladang” malah “ke rumah tangga”.

Persoalan bencana kebakaran besar pernah diungkapkan oleh pengarang dalam puisi klasik. Lihat contoh syair yang dikarang oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi yang telah menyaksikan kebakaran besar di Kampung Gelam, Singapura sekitar tahun 1844. Beliau merakamkan peristiwa tersebut dengan penuh perasaan, dan gambaran bencana kebakaran jelas dilukiskan dengan menggunakan bahasa yang indah dan menarik. Jelas, bencana kebakaran itu memberi kesan psikologi kepada mangsa, dan kemusnahan fizikal serta pencemaran alam sekitar. Di bawah ini adalah petikan dari *Syair Kampung Gelam Terbakar*.

Sekaliannya tiada mahu melawan api,  
Masing-masing berdiri putih tapak kaki,  
Api pun memakanlah bersuka hati,  
Dijilatnya rumah berganti.

Dimakannya habis rumah-rumah atap,  
Dalam sebentar sekaliannya habislah lesap,  
Kudengar suara orang meratap,  
Ada yang terjun jatuh tertiarap.

Angin pun berbaliklah tiada lama,  
Dimakan sebelah rumah Haji Fatimah,  
Habislah rumahnya kelima-lima,  
Bahananya kedengaran sampai ke mana-mana.

Angin timur bertiup sebentar kencang,  
Lidah api itu naik menjulang-julang,  
Pohon sukun semuanya habis bergoncang,  
Bergumpal-gumpal bunga api jatuh di simpang.

(Rahman Shaari, & Mohd. Pozi Hj. Masurori, 1988, hal. 66)

Berkenaan dengan bencana yang berkaitan dengan gunung berapi pula, tidak jelas dirakamkan sekadar disebut nama gunung berapi berkenaan di dalam pantun berikut:

Dari mana asal pelita,  
Dari tanglung nan berapi;  
Dari mana nenek moyang kita,  
Dari lereng Gunung Merapi.

(Zainal Abidin Bakar, 1983, hal. 46)

Gunung Merapi yang terletak di Pulau Jawa, Indonesia merupakan gunung berapi yang aktif. Letupan yang berlaku pada tahun 1867 adalah letupan yang paling besar pernah berlaku. Penghuni yang bermastautin di kaki Gunung Merapi pasti akan terdedah dengan bencana alam ini. Walaupun tidak tercatat secara tersurat, secara tersirat wujud bencana yang berkaitan dengan Gunung Merapi.

Dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* ada diceritakan berkenaan angin yang dipanggil oleh Raja Anggun Cik Tunggal untuk melayarkan Dendang Panjangnya:

“Hai angin empat penjuru alam,  
Turunlah si raja angin,  
Yang bernama Selatan Tuk Panji,  
Yang meruntuhkan gunung,  
Yang mengeringkan laut.  
Yang merebahkan kerbau di padang,  
Yang mencabutkan cekur di halaman;

(Pawang Ana & Raja Haji Yahya, hal. 46)

Walaupun angin yang dipanggil bukan untuk mendatangkan bencana tetapi dalam hikayat ini digambarkan langit seperti arang kualiti, ombak menggulung-gulung seperti gunung dan alunnya seperti bukit, keadaan gelap gelita, dan hujan kilat sabung menyabung. Di samping kekuatan angin yang boleh “meruntuhkan gunung”, “mengeringkan laut”, “merebahkan kerbau”, dan “mencabut cekur”, lukisan suasana dapat menggambarkan bencana yang berkaitan dengan puting beliung berdasarkan pengalaman penyair.

### **Usaha Menghindar Bencana**

Analisis juga dibuat berdasarkan usaha-usaha menghindar bencana yang terdapat dalam puisi Melayu klasik. Usaha-usaha tersebut diasingkan dalam empat kategori: hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan alam, manusia dengan makhluk halus dan manusia dengan Tuhan.

### **Manusia dengan Manusia**

Manusia sering ditimpa pelbagai bencana, misalnya penipuan, pembunuhan, rompakan, dan penculikan. Bencana itu dilakukan oleh individu tertentu atau

kelompok masyarakat yang berada dalam institusi masyarakat, misalnya pemimpin, guru, ahli politik, dan raja.

Perlakuan songsang pemimpin dalam institusi masyarakat adalah dianggap bencana kepada masyarakat berkenaan. Namun, di samping pemaparan bencana yang menimpa manusia, penyair menyelitkan usaha menghindar bencana supaya jangan mengambil pemimpin yang sedemikian untuk memerintah ataupun seorang pemimpin yang mahu menghindar daripada ditimpa bencana perlulah mengambil iktibar daripada perbilangan Melayu Riau berikut:

Pemimpin:  
Kelima raja dibenci  
Yang mengambil anak bini orang  
Yang mengambil tunang-lanang orang  
Yang kuat patah mematah  
Yang cerdik tipu-menipu  
Putih di luar hitam di dalam  
Satunya satu sepuluh  
Duanya dua seratus  
Banyak sentak dari sorong  
Banyak pintak dari beri

(Tenas Effendy, 1989, hal. 136)

Perbilangan tersebut menjurus kepada persoalan pemimpin hendaklah menjauhi perbuatan jahat dalam usahanya menghindar bencana, misalnya merampas isteri dan tunang orang, menipu, menindas yang lemah, hipokrit, dan malas berusaha. Sekiranya pemimpin dapat menjauhi perbuatan jahat bukan sahaja bencana yang kelak menimpa diri pemimpin dapat dijaui, sudah pasti juga rakyat tidak mengalami bencana akibat daripada perbuatan pemimpin.

Kemudian kita teliti pula nasihat untuk menghindar bencana yang berkaitan dengan adat yang terakam dalam perbilangan berikut:

Kalau lepas ke halaman orang  
Berkata dahulu agak sepatah  
Memberitahu orang di rumah  
Entah orang salah duduk  
Entah orang salah tegak  
Entah orang salah kain

(Tenas Effendy, 1989, hal. 125)

Untuk menziarahi seseorang juga ada tatacaranya, iaitu “berkata dahulu agak sepatah”, agar kehadiran pengunjung diketahui dan dapat mengelak tuan rumah daripada mengalami rasa malu. Dalam masyarakat Melayu, aib dan malu merupakan satu bencana yang harus dihindari.

Tenas Effendy (1989) turut menjelaskan bahawa adat telah menetapkan tatacara untuk seseorang ke tepian (sungai atau kali):

Kalau pergi ke tepian  
Dahulukan sampai  
Kemudian tiba  
Ranting di atas dipatahkan  
Tanah di bawah digoreskan  
Kalau timbul dakwa-dakwi  
Patah boleh ditengadah  
Gores boleh ditengkudau (hal. 125)

“*Dahulu sampai, kemudian tiba*”, dengan kata lain sebelum seseorang sampai ke tepian, terlebih dahulu (dari jauh) ia harus memberitahu kedatangannya sebagai contoh bersuara, berdehem, batuk-batuk atau berteriak. Seandainya tiada sahutan dari tepian barulah dibenarkan meneruskan perjalanan ke tepian. Kalau ada sahutan terutamanya daripada kaum perempuan, haruslah berhenti dan menunggu, sampai perempuan itu keluar. Ketentuan ini untuk menjaga jangan sampai ada perempuan yang sedang mandi dan sebagainya terserempak dalam pakaian yang kurang sopan, sehingga menimbulkan keaiban yang dianggap sebagai bencana dalam masyarakat Melayu.

Sekiranya berlaku pelanggaran adat, bukti diperlukan daripada lelaki dewasa dalam musyawarah kerana kaum perempuan akan mendakwa yang lelaki tersebut telah melanggar adat. Lelaki tersebut boleh membela diri dalam sidang adat seperti yang dijelaskan oleh Tenas Effendy (1989):-

Bila lelaki itu sebelum sampai ke tepian sudah memberitahu kedatangannya dahulu (dahulu sampai) dengan suara, tetapi tidak ada sahutan atau reaksi dari tepian sehingga ia meneruskan langkahnya (kemudian tiba), maka ia harus dapat pula membuktikan kebenarannya dengan menunjukkan *ranting yang dipatahkannya* dan *tanah yang digoreskannya* di tempat ia

bersuara memberitahu itu. Seandainya bukti itu tidak ada, maka lelaki itu boleh dihukum menurut hukum adat.  
(hal. xiii)

Kita perhatikan pula beberapa rangkap pantun adat berikut. Adat yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tradisional adalah suatu yang amat bernilai, dan tiada harga yang boleh diletakkan kepadanya. Lihat contoh-contoh pantun berikut yang dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (1983) :

Jangan ditarik lembu garang,  
    Kalau ditarik banyak susahnya;  
Jangan dirosak anak orang,  
    Kalau rosak maut padahnya. (hal. 142)

Menanam bunga di dalam pasu,  
    Bunga melati dan bunga pandan;  
Jangan ikut hawa nafsu,  
    Kelak nanti binasa badan. (hal. 142)

Melangir keris pusaka hikmat,  
    Keris sejarah sejak bahari;  
Kalau gadis ingin selamat,  
    Jangan murah menjual diri. (hal. 145)

Beberapa rangkap pantun di atas merupakan pantun nasihat. Konsep nasihat menasihati dalam masyarakat Melayu tradisional merupakan satu budaya. Nasihat biasanya diberikan oleh orang-orang tua atau yang dihormati dalam masyarakat kepada orang-orang muda sebagai panduan hidup. Jika panduan tersebut diikuti, pasti bencana yang wujud akibat konflik antara manusia dengan manusia dapat dielakkan. Perhatikan petikan *Gurindam Nasihat* yang dikarang oleh Raja Ali Haji:

Kurang fikir, kurang siasat,  
Tentu dirimu kelak sesat.

Fikir dahulu sebelum berkata,  
Supaya terelak silang sengketa.

Perkataan tajam jika dilepas,  
Ibarat beringin racun dan upas.

Kalau mulut tajam dan kasar,  
Boleh ditimpa bahaya besar.

(Rahman Shaari & Mohd. Pozi Hj. Masurori, 1988, hal. 55-56)

Berikutnya kita teliti pula usaha menghindar bencana dalam konteks manusia dengan manusia dalam genre mantera. Menurut, *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000) mantera ialah kata atau ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib untuk menyembuhkan penyakit. Penyakit fizikal dan mental merupakan bencana yang perlu diubati dan dihindari. Haron Daud (1994) menjelaskan bahawa mantera digunakan untuk tujuan: pakaian atau perhiasan diri, perbomohan dan perubatan, pelaris dalam pekerjaan, dan adat istiadat atau upacara.

Penulis mengambil contoh misalnya, mantera pengasih yang dikelompokkan dalam kategori mantera pakaian atau perhiasan diri bertujuan supaya individu yang dicintai menjadi miliknya, dan pengamal tidak mengalami bencana kekecewaan. Jadi pelbagai mantera pengasih diamalkan oleh individu tertentu semata-mata untuk memikat diri yang menjadi sasaran. Di bawah ini adalah contoh *Mantera Pengasih*:

Hai pinang sepiak muri tanaman Maharaja Dewana, naik cahaya mukaku berseri-seri Si (nama) pandang mukaku terbuka hati yang berahi kepada aku Si (nama) pandang dadaku terbuka kasihan belas Si (nama) itu kepada aku. Pandang kanan terbuka kasihan belas Si (nama) itu kepada aku. Pandang kiri terbuka qabul dendam rindu kepada aku. Si (nama) itu tiada sayang cinta berahi kepada aku, derhakahlah hatinya kepada aku. Sah sidi pengajaran guru. Berkat doa Laailahailallah Muhammad Rasullullah.

(Ibnu Yusof, 1992, hal. 186)

Dalam konteks ini pengamal mantera dapat menghindarkan bencana kekecewaan yang akan berlaku kepada dirinya kerana dapat memiliki orang yang dikasihinya. Walau bagaimanapun tidak dapat disangkal bahawa bencana akan menimpa pihak

yang lain. Bencana yang dimaksudkan ialah individu sasaran pengamal mantra ini, sekiranya terkena dan menjadi “gila berahi” kemungkinan akan membenci ibu bapa seperti yang tertera dalam mantra berikut:

Aku bakar pasir tanah  
 Aku bakar mata jantung si anu  
 Aku bakar di batu, batu belah  
 Aku bakar di gunung, gunung runtuh  
 Aku bakar mata hati jantung si anu  
 Kena hancur luluh segala tubuh  
 Gila berahi kepada aku

(Haron Daud, 1994, hal. 266)

### **Manusia dengan Alam**

Alam sekitar juga memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk memberi kebahagiaan kepada manusia. Petikan ungkapan tradisional berikut merupakan satu daripada usaha yang dijalankan untuk memberi nasihat dan menjaga ekosistem. Pencerobohan hutan belantara tidak dibenarkan seperti yang terdapat dalam panduan kedelapan *Rimba Larangan*. Keperihatinan orang Melayu dalam menjaga ekosistem ini dapat dilihat dengan larangan bahawa “kayu tak boleh dirosak-rosak” dan “binatang tak boleh dibunuh mati”. Rimba Larangan ini dilindungi oleh adat dan lembaga. Sekiranya terdapat orang yang ingin mendapatkan apa-apa dari hutan tersebut, perlu dahulu mendapat kebenaran. Sekiranya tidak mendapat kebenaran ia akan ditimpa bencana, iaitu *dimakan oleh adat*. Di bawah ini diperturunkan petikan *Rimba Larangan*:

Kedelapan Rimba Larangan  
 Apa tanda rimba larangan  
 Rimba dikongkong dengan adat  
 Rimba dipelihara dengan lembaga  
 Tempat tumbuh kayu-kayan  
 Tempat diam binatang hutan  
 Kayu tak boleh dirosak-rosak  
 Binatang tak boleh dibunuh mati

(Tenas Effendy, 1989, hal. 94-95)

Dalam menganalisis usaha untuk menghindar bencana dalam puisi klasik, perlu dilihat kaitan puisi klasik tersebut dengan alam Melayu secara lebih mendalam:

Bintang tujuh tinggal enam,  
Jatuh sebiji di Majapahit;  
Hilang sepuh tinggal senam,  
Baru kutahu emas tak baik.

(Mat Nayan Hj. Saad, 1986, hal. 42)

Sampiran pantun di atas ada kaitannya dengan astronomi. Masyarakat Melayu yang mengerjakan sawah percaya terdapat tujuh butir bintang semuanya. Empat butir seolah-olah menjadi kepala dan tiga butir bintang seperti ekor. Sebutir di ekor kurang jelas kelihatan dan ada yang percaya bintang tersebut telah hilang.

Untuk mengelak bencana, bintang-bintang di langit perlu diperhatikan oleh pesawah supaya tidak menabur benih semasa ribut. Hal ini dijelaskan oleh Mat Nayan Hj. Saad (1986):

Bintang ketika itu boleh dilihat di langit pada bila-bila masa juga waktu malam hari yang berbintang kecuali lima belas hari setahun, iaitu ketika ia menyelam dalam bulan tujuh. Masa menyelamnya itulah masa terjadinya ribut yang kuat dari barat.

Apabila bintang ketika itu timbul semula di sebelah timur, itu menunjukkan sudah bulan lapan. Itulah masa yang sebaik-baiknya bagi pekerjaan menabur padi benih. Mengikut kepercayaan orang tua-tua timbulnya bintang itu bererti bintang ketika mula tumbuh pada tahun itu. Itulah sebabnya mereka memanggil bulan lapan itu 'bulan benih', (hal. 42)

### **Manusia dengan Tuhan**

Manusia tidak boleh dipisahkan daripada alam, manusia, segala unsur yang mengelilinginya, dan yang lebih penting manusia tidak boleh memisahkan diri daripada Pencipta-Nya. Dalam *Gurindam Dua Belas* fasal yang pertama karangan Raja Ali Haji menjelaskan pernyataan ini:

Barang siapa tiada memegang agama,  
Sekali-kali tidak boleh dibilang nama.

Barang siapa mengenal yang empat,  
Maka ia itulah orang yang makrifat.

Barang siapa mengenal Allah,  
Suruh dan tegah-Nya tiada ia menyalah.

Barang siapa mengenal diri,  
Maka telah mengenal akan Tuhan yang bahari.

Barang siapa mengenal dunia,  
Tahulah ia barang yang terpedaya.

Barang siapa mengenal akhirat,  
Tahulah ia dunia mudarat.

(Rahman Shaari & Mohd. Pozi Hj. Masurori, 1988, hal. 59)

Mengenai penghindaran bencana dalam hubungan manusia dengan Tuhan dapatlah dikatakan bahawa manusia wajib mengenal Allah, dan patuh segala suruhan-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya supaya selamat di dunia, dan di alam akhirat. Bencana atau balasan akan menimpa manusia sekiranya manusia tidak mengenal Allah.

Dalam pantun Melayu terungkap juga hubungan manusia dengan Tuhan seperti contoh-contoh berikut yang dipetik daripada Zainal Abidin Bakar (1983):

Menanam kelapa di Pulau Bukum,  
Tinggi sedepa sudah berbuah;  
Adat bermula dengan hukum,  
Hukum bersandar di kitab Allah. (hal. 44)

Banyak bulan perkara bulan,  
Tidak semulia bulan puasa;  
Banyak Tuhan perkara Tuhan,  
Tidak semulia Tuhan Yang Esa. (hal. 60)

Pantun-pantun di atas jelas mengungkapkan persoalan yang tersirat dalam usaha menghindar bencana. Sebagai individu Muslim yang berpegang teguh pada akidah Islam, bencana yang dikenal pasti dalam disiplin pengurusan bencana, misalnya keganasan fizikal, verbal, dan perlakuan dapat dihindarkan. Perbuatan

tersebut merupakan yang dilarang oleh Islam, dan jika dilakukan boleh membawa dosa.

### **Manusia dengan Makhluk Halus**

Haron Daud (1993) menjelaskan bahawa pengamal mantera adakalanya mengaku bersahabat dengan jin. Ia sanggup tolong-menolong dan bantu-membantu dengan jin apabila masing-masing memerlukan satu sama lain. Pengakuan begini semacam memberi keyakinan agar jin sanggup memberi pertolongan menyampaikan kehendak si pengamal. Manteranya seperti berikut:

Hei jin putih sejati tunggal  
aku tersengkang bulu romamu  
aku nak mintamu menyampaikan kehendakku  
kelak-kelak aku menyampaikan kehendakmu  
kalau mutak menyampaikan kehendakku  
derhakalahmu kepada Allah. (hal. 285)

Hukum-hakam dalam agama Islam adalah ciptaan Allah. Manakala adat adalah ciptaan dan ketetapan masyarakat. Penghindaran bencana oleh masyarakat Melayu berdasarkan puisi klasik tidaklah menggunakan suatu sistem pengurusan yang tersusun, atau menerapkan apa-apa teknologi yang ada pada masa itu. Usaha menghindar bencana lebih mengarah kepada mengelak supaya sesuatu bencana tidak akan menimpa individu atau masyarakat.

Manusia dan alam tidak dapat dipisahkan. Sebagai contoh, laut merupakan medan untuk masyarakat Melayu tradisi mencari sumber rezeki. Laut dipercayai ada penunggu, dan hendaklah dipuja penunggu itu. Sekiranya mereka tidak berbuat demikian, maka kehidupan mereka akan diganggu. Dalam upacara memuja pantai atau laut, mantera ini antaranya dibacakan bagi maksud menghalau makhluk halus yang menimbulkan huru-hara atau bencana. Di bawah ini adalah petikan dari *Mantera Hantu Laut*.

Hai toh mambang Putih, toh mambang Hitam,  
Yang diam di bulan dan matahari,  
Melimpahkan sekalian alam asalnya pawang,  
Menyampaikan sekalian hajatku,

Melakukan segala kehendakku,  
 Assalamu 'alaikum!  
 Hai sahabatku mambang Tali Harus,  
 Yang berulang ke pusat tasik Pauh Janggi,  
 Sampaikanlah pesanku ini  
 Kepada Datuk Si Rimpun Alam:  
 Aku minta tolong peliharakan kawan-kawanku.  
 Hai sekalian sahabatku yang di laut!  
 Hai, Sidang Saleh, Sidang Bayu!  
 Sidang Mumin, Sidang Embang!  
 Sidang Biku, Mambang Sagara!  
 Mambang Singgasana, Mambang Dewata!  
 Mambang Laksana, Mambang Sina Mata!  
 Mambang Dewati, Mambang Dewani!  
 Mambang Tali Harus!

(Hooykaas, 1981, hal. 48-49)

Dalam mantera di atas dapat dikesan kewujudan bencana puting beliung dalam masyarakat Melayu. Di samping itu juga tercatat unsur-unsur yang berkuasa dengan laut dan yang paling penting pawang atau bomoh meminta tolong daripada kuasa ghaib untuk memelihara orang yang akan ke laut supaya terhindar daripada bencana: "Aku minta tolong peliharakan kawan-kawanku. Hai sekalian sahabatku yang di laut!".

Dalam apa jua situasi bencana, sama ada yang berkaitan dengan alam, manusia, Tuhan dan makhluk halus, walaupun tidak digaris dengan cara-cara yang sistematik untuk menghindari bencana, yang dapat dihalusi dan dihayati ialah dalam alam pemikiran Melayu, konsep tolong-menolong, sokong-menyokong, dan gotong-royong menjadi tunggak hidup bermasyarakat. Semangat inilah yang menyangga kemandirian bangsa Melayu. Semangat ini dapat dilihat dalam sebuah gurindam atau dikenali juga sebagai seloka yang menunjukkan konsep "*muafakat tak berubah*".

Duduk berpelantaran:  
 Dekat rumah dekat kampung,  
     Halaman satu sepermainan,  
     Seperigi sepermainan,  
     Segayung sepergiliran,  
     Sejambah setepian,

Muafakat tak berubah,  
Rahsia tak bertukar.  
Ibarat labu menjalar ke hulu,  
Ibarat kundur menjalar ke hilir:  
Pangkalnya sama dipupuk,  
Pucuknya sama digentis,  
Buahnya sama ditarik (diambil)  
Ke bukit sama didaki,  
Ke lurah sama diturunkan (dituruni),  
Ke laut sama direnangkan,  
Yang berat sama dipikul,  
Yang ringan sama dijinjing;  
Hati gajah sama dilapah,  
Hati kuman sama dicicah.

(Zainal Abidin Ahmad, 2002, hal. 248)

### **Perbandingan Jenis Bencana**

Rajah 2. menunjukkan jenis-jenis bencana yang dibincangkan dalam buku-buku pengurusan bencana (Awotona, 1997; Schneid & Collins, 2001; Gist & Lubin 1999; Toft & Reynolds, 1994; Hodgkinson & Stewart, 1991; Quarantelli, 1998) dan bencana-bencana yang terkandung lewat puisi klasik seperti mantera, ungkapan tradisonal dan pantun.

**Jadual 2: Perbandingan Jenis Bencana dalam Pengurusan Bencana dengan Puisi Klasik Melayu**

<b>Bencana dalam Pengurusan Bencana</b>	<b>Bencana dalam Puisi Klasik Melayu</b>
banjir	banjir
kemarau	kemarau
puting beliung	puting beliung
kebakaran dan letupan	kebakaran
gempa bumi	-
ledakan gunung Merapi	gunung Merapi
epidemik	-
runtuhan salji	-
ombak besar samudera	ombak besar
tumpahan minyak	-
kemalangan kapal terbang	-
letupan lombong	-
kemalangan keretapi	-
kemalangan jalan raya	-
keganasan di tempat kerja - fizikal, perlakuan dan verbal	fizikal, perlakuan dan verbal
keganasan siber	-
keganasan bio	-
peperangan	peperangan
-	serangan todak
-	adat
-	agama/hukum agama
-	kepimpinan/pemerintah
-	kemanusiaan/perpisahan
-	gangguan makhluk halus

Berdasarkan konteks alam Melayu tradisional dan permulaan disiplin pengurusan bencana, didapati terdapat persamaan dari segi melihat bencana sebagai bencana alam. Walau bagaimanapun, dalam masyarakat Melayu melanggar hukum adat dianggap satu bencana yang besar kerana memporak-perandakan keutuhan keluarga dan masyarakat. Melanggar hukum agama merupakan bencana yang besar yang

akan melunturkan keimanan seseorang.

Dalam konteks teknologi pula, didapati dalam masyarakat Melayu tidak wujud teknologi yang tinggi, malah dalam disiplin pengurusan bencana juga perkara ini merupakan perkara baru. Manakala dari aspek sosial dapat dilihat perkara-perkara yang berkaitan dengan keganasan sudah difikirkan oleh masyarakat Melayu khususnya yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga kerana dinasihatkan supaya jangan mendera isteri, bercakap bohong, sombong, melupakan adat, melanggar hukum agama, dan tidak menghormati orang-orang tua.

Usaha-usaha untuk mengelakkan bencana diberi sama ada dalam bentuk nasihat atau pertolongan dipohon daripada Tuhan. Walaupun bertentangan dengan ajaran Islam, pertolongan juga diminta daripada makhluk halus dan ini merupakan unsur-unsur animisme dan Hinduisme yang yang sebatu meresapi jiwa orang Melayu sebelum kedatangan Islam ke Nusantara. Tidak dinafikan bahawa masyarakat moden pun masih melakukan amalan menghindar bencana secara tradisional, misalnya memindahkan awan ke tempat lain melalui khidmat bomoh hujan, merawat penyakit (bencana) ghaib dengan menggunakan khidmat bomoh, dan melawan orang-orang jahat melalui khidmat jin (Jin Indonesia Bantu Iraq, 2003).

### **Rumusan**

Daripada analisis yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa puisi Melayu klasik merupakan wahana yang berjaya mendokumentasikan, dan mencerminkan realiti dan hakikat realiti dari segi sosiobudaya, dan alam fizikal. Puisi klasik Melayu turut merakamkan pelbagai bencana yang menimpa masyarakat Melayu dahulu, dan kesinambungan bencana tersebut dalam masyarakat moden, misalnya bencana alam, sosial, dan agama. Bukan sekadar rakaman bencana sahaja, masyarakat Melayu turut menyatakan secara tersurat dan tersirat usaha-usaha menghindar bencana pada zaman itu yang dirasakan masih relevan pada zaman moden. Puisi klasik Melayu masih boleh dijadikan teladan dan sempadan khususnya untuk menghindar bencana sosial dan agama. Justeru, benarlah pernyataan puisi klasik Melayu adalah cerminan pemikiran alam masyarakat Melayu. Maka, puisi klasik patut ditatang seperti menatang minyak yang penuh kerana ia mampu membuka minda untuk melihat jati diri sendiri, dan bangsa.

## Rujukan

Awotona, Adenrele (ed.). 1997. *Reconstruction after Disaster: Issues and Practices*. Aldershot: Ashgate.

Dailie, François-René. 1990. *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dewan Bahasa dan Pustaka. 2000. *Kamus Dewan* (ed. ke-2). Kuala Lumpur: Pengarang.

El-Masri, S. & Tipple, G. 1997. Urbanisation, Poverty and Natural Disasters: Vulnerability of Settlements in Developing Countries. Dalam A. Awotona (Ed.), *Reconstruction after Disaster: Issues and Practices*. (hal. 1-12). Aldershot: Ashgate.

Gist, Richard, & Lubin, Bernard (eds.). 1999. *Response to Disaster: Psychosocial, Community, and Ecological Approaches*.

Gove, Philip, B. (ed.). 1986. *Webster's Third New International Dictionary of the English Language Unabridged*. Springfield, Massachusetts: Merriam-Webster Inc.

Hamza Mustafa Njozi. 1993. *Repetition in Sejarah Melayu: The Problem of Orality and Literacy*, Jilid II. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dari 5-8 September 1993.

Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haron Daud. 1993. *Mantera Pengasih: Penggunaan, Khalayak dan Nilai Sosial*, Jilid II. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dari 5-8 September 1993.

\_\_\_\_\_. 1994. Mantera: Satu penelitian tentang manusia dan kepercayaan. Dalam Haron Daud (Peny), *Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan* (hal. 72-82). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hodgkinson, Peter. E., & Stewart, Michael. 1991. *Coping with Catastrophe: A Handbook of Disaster Management*. London: Routledge.

Hooykaas, C. 1981. *Penyedar Sastera* (Edisi Baharu, Raihoel Amar Gelar Datoek Besar, Penterjemah). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ibnu Yusof. 1992. *Permata yang Hilang: Seni Nafkah Batin*. Kota Bharu: Add Sell- Al Kafilah

Jin Indonesia Bantu Iraq. 2003, 13 April. *Mingguan Malaysia*, hal. 16.

Mat Nayan Hj. Saad. 1986. Adat Persawahan di Negeri Kedah. Dalam Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, Intisari Kebudayaan Melayu Kedah (hal.38-57). Kedah: Majlis Kebudayaan Negeri Kedah.

Mohd. Affandi Hassan. 1989, Mac. Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera*, 14-16.

Ngurah Parsua. 1989, Mac. Sastera sebagai Hakikat Realiti. *Dewan Sastera*, 4-5.

Noji, E. K. 1994. Progress in Disaster Management [versi elektronik]. Lancet, 343(8908), 1239-1240. Dicapai pada 9 April 2003, dari Academic Search Elite.

Pawang Ana, & Raja Haji Yahya. 1985. *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Quarantelli, E. L. (ed.).1998. *What is a Disaster?*. London: Routledge.

Rahman Shaari, & Mohd. Pozi Hj. Masurori. (Peny.). 1988. *Rangkaian Puisi Klasik*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.

Schneid, Thomas. D., & Collins, Larry. R. 2001. *Disaster Management and Preparedness*. Boca Raton: Lewis Publishers.

Shellabear, W. G. 1975. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Swingewood, Alan. 1972. *The Sociology of the Novel*. In. D. Laurenson & A. Swingewood, *The Sociology of Literature* 169-275. London: Paladin

Tenas Effendy. 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Toft, Brian, & Reynolds, Simon. 1994. *Learning from Disaster*. Oxford: Butterworth-Heinemann.

Umar Junus. 1986. *Sosiologi Sastera: Persolan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. 1988. Karya Sastera adalah Fenomena Sosial. Dalam Hamzah Hamdani (Peny.), *Konsep dan Pendekatan Sastera* (hal. 65-81). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu. Dengan Pengenalan oleh Asmah Haji Omar*. Edisi Ejaan Rumi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama Versi Jawi oleh Malaya Publishing House Ltd, Singapore, 1934.

Zainal Abidin Bakar. 1983. *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.